



Sukan Menyatukan Bangsa

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

Sukan Olimpik London 2012 terus mencetuskan pelbagai fenomena dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Kegagalan atau kejayaan atlet, terutamanya yang berjaya merangkul sebarang pingat, di samping yang memecahkan rekod terus menjadi perbualan hangat. Ternyata sukan memiliki aura dan daya tarikan yang tersendiri. Semuanya atas nama semangat kesukanan dan patriotisme terhadap negara masing-masing.

Begitu juga senario yang sama di Malaysia, harapan yang cukup tinggi diletakkan di atas bahu atlet negara untuk meraih pingat emas pertama di sukan Olimpik. Jadi, tidak hairanlah hampir seluruh rakyat Malaysia dari ceruk rantau bersatu hati memberi sokongan padu kepada Datuk Lee Chong Wei ketika beraksi melawan pemain badminton China, Lin Dan dalam pertarungan akhir perseorangan lelaki pada kejohanan sukan Olimpik London baru-baru ini.

Chong Wei menjadi wira harapan dan prospek utama yang menggalas misi besar untuk merangkul pingat emas di pentas sukan paling berprestij

itu. Inilah peluang terbaik lagu keramat Negaraku berkumandang ke udara dan mungkin inilah peluang terakhir Chong Wei beraksi di pentas Olimpik yang penuh dengan harapan menggunung itu. Ternyata, harapan emas tidak memihak Malaysia. Tiada sesiapa menduga mainan skrip Sukan Olimpik Beijing pada tahun 2008 berulang kembali. Sekali lagi, Lin Dan berjaya menumpaskan pemain negara dan menelan harapan 28 juta rakyat negara ini.

Kekalahan Chong Wei secara bermaruah kerana tidak mudah ditundukkan sepanjang beliau beraksi. Jika pada empat tahun lalu, Lin Dan menang mudah di halaman sendiri dengan permainan dua set, namun skripnya agak berbeza di London kali ini. Malah Chong Wei menampilkan aksi cemerlang dengan merangkul kemenangan pada set pertama dan hampir-hampir berada di ambang kemenangan pada set penentuan apabila beliau mendahului 18-16.

Ketika itu, seluruh rakyat Malaysia seolah-olah sudah membayangkan detik emas yang dinanti-nantikan.

Malangnya, umpama skrip drama apabila penghujungnya tidak memihak kepada negara ataupun pengakhirannya yang antiklimaks. Hampir seluruh rakyat Malaysia sama ada yang berada di Arena Wembley ataupun yang sedang menonton di kaca televisyen di tanah air hanya mampu menumpahkan air mata apabila melihat Chong Wei tersungkur di gelanggang apabila Lin Dan berjaya mengutip mata ke-21.

Walaupun gagal memenuhi impian emas negara, semua pihak mengakui dan memuji corak permainan dan semangat juang yang dipamerkan oleh Chong Wei. Memetik kata Perdana Menteri Malaysia, "Chong Wei kalah bermaruah". Terima kasih Chong Wei kerana masih mampu mengibarkan Jalur Gemilang di pentas Olimpik dan berjaya membawa pulang pingat perak serta mencipta sejarah negara sebagai atlet pertama merangkul dua pingat secara berturut-turut di temasya sukan Olimpik."

Begitu juga dengan atlet negara yang lain, Pandelega Rinong juga berjaya mencipta sejarah tersendiri sebagai wanita pertama yang menyumbang

pingat gangsa menerusi acara 10 meter platform individu wanita. Inilah satu lagi kejayaan luar biasa dan sejarah baharu tercipta dalam dunia sukan tanah air.

Hasil kejayaan yang memberangsangkan ini ditunjukkan menerusi sokongan padu rakyat ketika menyambut kepulangan kedua-dua atlet negara ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Semua bangsa tanpa mengira umur hadir memberikan sokongan kepada atlet negara.

Ternyata, rakyat bersatu hati memberikan sokongan moral kepada Chong Wei dan Pandelega dari masa

rakyat serta kaum lain berjaya mengetepikan segala perbezaan termasuklah ideologi politik, agama serta pendapat untuk memberikan sokongan kepada ahli sukan dengan semangat Malaysia.

Hal ini menunjukkan rakyat sebenarnya boleh bersatu dan melupakan segala persengketaan. Ternyata semangat cinta kepada negara mengatasi segala kebendak peribadi yang lain. Hal ini bukanlah kali pertama berlaku di negara ini. Sebelum ini, kejayaan skuad bola sepak dalam Sukan SEA yang lalu di Indonesia turut menerima sokongan yang padu daripada seluruh rakyat

dengan mereka. Hakikatnya sekarang, negara ini semakin jauh ketinggalan daripada mereka.

Sudah menjadi tanggungjawab setiap persatuan sukan untuk melakukan transformasi secara besar-besaran dan drastik agar sukan Malaysia tidak terus ketinggalan. Oleh itu, sukan dan kepentingan peribadi perlu dipisahkan. Biarlah ahli yang pakar dalam bidang sukan menerajui persatuan sukan masing-masing kerana mereka lebih tahu apa-apa yang perlu dilakukan. Negara tidak mahu terus ketandusan bakat baharu untuk meneruskan tradisi dan legasi kecemerlangan atlet sekarang. Selepas



Dato' Lee Chong Wei dan Pandelega menjadi ikon perpaduan nasional.

beraksi sehinggalah mereka menjejak kaki ke tanah air walaupun gagal meraih pingat emas. Sokongan padu rakyat tanpa mengira agama, bangsa, dan latar belakang membuktikan bahawa sukan mampu menyatukan perpaduan rakyat. Selayaknya Chong Wei dan Pandelega menjadi ikon perpaduan nasional kerana bukan mudah menyatukan rakyat berbilang kaum demi mencapai satu matlamat.

Malah sehingga sekarang rakyat terus menerusi menzahirkan kebanggaan dan memuji semangat juang Chong Wei yang begitu tinggi. Chong Wei dan Pandelega terus diangkat sebagai wira dan wirawati Malaysia. Semua kaum sama ada orang Melayu, Cina, India mahupun

Malaysia. Hal ini membuktikan sukan berperanan besar sebagai alat perpaduan nasional.

Dalam hal ini, persatuan sukan tanah air mengambil berat segala perhatian yang diberikan oleh rakyat agar sentiasa menampilkan atlet yang berkualiti demi menjunjung maruah negara di pentas, serta tidak mahu lagi atlet negara digelar jaguh kampung semata-mata. Jepun dan Korea misalnya, masing-masing sudah mampu melangkah ke peringkat separuh akhir bola sepak lelaki Olimpik, iaitu Korea muncul sebagai pasukan Asia yang pertama memenangi pingat gangsa dalam acara sukan Olimpik. Ketika dahulu, Malaysia juga pernah berada pada kedudukan yang sama

ini, siapakah bakal menggantikan Chong Wei pada Olimpik 2016 andai beliau bersara? Apakah Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mampu memberikan jawapannya?

Apa-apa pun sekarang-kurangnya bagi edisi sukan Olimpik kali ini seluruh rakyat Malaysia tidak putus-putus mengucapkan terima kasih kepada Chong Wei dan Pandelega kerana terus mengibarkan Jalur Gemilang di pentas Olimpik sekali gus berjaya menyatupadukan rakyat negara ini. Harapan negara disandarkan kepada atlet seterusnya agar terus mengikut jejak langkah mereka berdua dan mengharapkan sukan terus dijadikan wahana yang terbaik untuk memupuk semangat perpaduan nasional. ■